

ANUGERAH PENERBITAN MAKALAH JURNAL UiTM 2022

KRITERIA, SYARAT & PERATURAN

ASAS ANUGERAH

Anugerah ini adalah untuk memberi pengiktirafan kepada pensyarah yang menghasilkan makalah jurnal terbaik, satu dalam bidang Sains dan satu dalam bidang Sains Sosial / Sastera bagi tahun yang dinilai. Pemenang Anugerah ini boleh memohon semula pada tahun-tahun berikutnya.

KRITERIA PEMOHON

- i. Bagi bidang Sains dan Sains Sosial / Sastera, keutamaan diberikan kepada makalah yang diterbitkan dalam jurnal berimpak tinggi yang diindeks oleh *ISI Thomson*, *SCOPUS* atau *ERA* terkini. Bagi bidang khusus yang merangkumi Kesusastraan, Pengajian Melayu, Pengajian Islam serta Pengajian Seni, keutamaan diberikan kepada jurnal berimpak tinggi.
- ii. Hanya penulis utama (*principal / corresponding author*) sahaja layak memohon.
- iii. Setiap pemohon hanya dibenarkan mengemukakan **SATU (1)** makalah sahaja untuk pertimbangan.
- iv. Makalah tersebut perlu mempunyai nama jurnal, jilid, muka surat dan tahun penerbitan yang dinilai. Tarikh penerbitan *preview / early view* tidak diambil kira.

KRITERIA PENILAIAN ANUGERAH

- i. Makalah yang diterbitkan dalam jurnal yang mempunyai faktor impak tertinggi akan di senarai pendek untuk penilaian.
- ii. Penentuan pemenang adalah berdasarkan skor yang diberi kepada perkara berikut:
 - Keaslian makalah
 - Impak dalam bidang ilmu
 - Sumbangan kepada negara
 - Impak kepada manusia sejagat

NILAI ANUGERAH

Nilai anugerah adalah **RM200.00** berserta hadiah iringan dari Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor. Anugerah akan dikeluarkan atas nama pemohon yang akan bertanggungjawab membahagikannya sama rata kepada semua penulis lain. Hanya warganegara Malaysia layak menerima hadiah ini sepenuhnya atau sebahagian daripadanya.